

## Bab 1

### Sejarah Awal Vietnam

#### Pendahuluan

Pembentukan Vietnam dikatakan telah bermula sejak empat ribu tahun yang lalu. Namun Vietnam pernah dijajah oleh negara China selama kira-kira satu ribu tahun iaitu bermula dari 111SM sehingga tahun 938. Akibatnya perang demikian perang telah tercetus di antara China dan Vietnam. Vietnam berjaya mendapat kemerdekaan pada tahun 939. Namun pada abad ke-16, Vietnam dibahagikan kepada dua buah kerajaan apabila berlakunya perebutan kuasa antara kerajaan Trinh di utara Vietnam dan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam sejak tahun 1558.

Bab ini mengkaji sejarah awal pembentukan Vietnam sehingga terbentuknya kerajaan Nguyen di selatan Vietnam yang telah menandakan lembaran baru dalam sejarah Vietnam.

#### Sejarah Pembentukan Vietnam

Sejarah Vietnam dikatakan bermula empat ribu tahun yang lalu. Raja De Minh yang berketurunan Raja China yang bernama Viem De Than Nong thi, pergi melawat selatan China sehingga ke Gunung Ngu Linh yang terletak di wilayah Ho Nam. Di sana Raja De Minh telah berkahwin dengan seorang gadis bernama Vu Tien dan melahirkan seorang anak yang bernama Loc Tuc.<sup>1</sup> Loc Tuc merupakan seorang anak yang bijaksana. Pada

---

<sup>1</sup> Chen Chingho,*Da Yue Shi Ji Quan Shu* (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. I, Tokyo University : Oriental Culture Research Centre, hlm.97.

mulanya Raja De Minh ingin Loc Tuc mewarisi takhtanya tetapi ditolak oleh Loc Tuc kerana beliau berpendapat abangnya yang bernama De Nghi<sup>2</sup> patut mewarisi takhta ayahnya.

Untuk menyelesaikan masalah perwarisan takhta, maka Raja De Minh membahagikan negaranya kepada dua bahagian. Bahagian utara ditadbir oleh anak sulungnya De Nghi, sementara bahagian selatan ditadbir oleh Loc Tuc. Loc Tuc menggunakan gelaran Kinh Duong Vuong (Raja Kinh Duong) dan menamakan kerajaannya sebagai Xich Quy. Xich Quy dikenali sebagai “*the country of the Red Devil*”. Ia bersempadan dengan wilayah Ho Nam di utara, Chiem Thanh di selatan, Ba Thuc di barat dan Laut China Selatan di timur.<sup>3</sup>

Kinh Duong Vuong berkahwin dengan anak perempuan Tuhan Laut (God of the Seas) yang bernama Than Long. Mereka telah melahirkan anak yang bernama Sung Lam. Sung Lam yang mewarisi takhta bapanya menggunakan gelaran Lac Long Quan.<sup>4</sup>

Lac Long Quan telah berkahwin dengan Au Co, iaitu anak perempuan kepada Maharaja De Lai.<sup>5</sup> Menurut legenda, pasangan ini telah melahirkan 100 orang anak dan dikatakan bahawa mereka inilah merupakan nenek moyang kepada Bach Viet atau Yue. Lima puluh orang anak mengikuti bapanya Lac Long Quan untuk tinggal di Laut China Selatan. Sementara lima puluh orang anak yang lain mengikut ibunya tinggal di gunung

<sup>2</sup> De Nghi merupakan anak sulung kepada Raja De Minh sebelum baginda berkahwin dengan Vu Tien di Gunung Ngu Linh. Chen Chingho, *Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.97

<sup>3</sup> Nguyen Van Thai dan Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, Saigon : The Times Publishing Company, 1958, hlm.3.

<sup>4</sup> Ibid., hlm.3-5.

<sup>5</sup> Maharaja De Lai merupakan anak kepada Raja De Nghi (abang kepada Kinh Duong Vuong).

yang terletak di Phong Chau (kini dikenali sebagai Bach Hac, wilayah Vinh Yen).<sup>6</sup> Di sana, mereka menamakan abang sulung mereka sebagai raja yang pertama untuk memerintah kawasan baru ini. Raja yang pertama ini digelar sebagai Hung Vuong (Raja Hung). Peristiwa ini merupakan peristiwa yang penting kerana Hung Vuong merupakan raja pertama yang mengasaskan dinasti pertama di Vietnam pada tahun 2878 sebelum masihi iaitu Dinasti Hong Bang.<sup>7</sup>

Hung Vuong yang merupakan raja pertama kepada dinasti Hong Bang telah menamakan kerajaannya sebagai Van Lang.<sup>8</sup> Menurut *Viet Nam Su Luoc*, kerajaan Van Lang merangkumi lima belas daerah iaitu :

- a) Van Lang (kini Bach Hac di wilayah Vinh Yen)
- b) Chau Dien (kini sebahagian daripada Son Tay)
- c) Phuc Loc (kini sebahagian daripada Son Tay)
- d) Tan Hung (kini Hung Hoa, Tuyen Quang)
- e) Vu Dinh (kini Thai Nguyen, Cao Bang)
- f) Vu Ninh (kini Bac Ninh)
- g) Luc Hai (kini Lang Son)
- h) Ninh Hai (kini Quang Yen)
- i) Duong Tuyen (kini Hai Duong)
- j) Giao Chi (kini Ha Noi, Hung Yen, Nam Dinh dan Ninh Binh)
- k) Cuu Chan (kini Thanh Hoa)

---

<sup>6</sup> Chen Chingho,*Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.97 dan Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.5.

<sup>7</sup> Chen Chingho,*Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.98.

<sup>8</sup> Van Lang bersempadan dengan Laut China Selatan (Timur), Ba Thuc (Barat), wilayah Ho Ton (Utara) dan Chiem Thanh (Selatan), kini dikenali sebagai Quang Nam. *Dai Viet Su Ky Toan Thu* (Rekod Sejarah Dai Viet), hlm.66.

- l) Hoai Hoan (kini Nghe An)
- m) Cuu Duc (kini Ha Tinh)
- n) Viet Thuong (kini Quang Binh dan Quang Tri)
- o) Binh Van (tidak tentu, bergantung kepada perkembangan masa iaitu sebelum tahun 1954 dan selepas tahun 1954. Nama tempat di selatan dan di utara Vietnam telah banyak bertukar)<sup>9</sup>

Kerajaan Van Lang merupakan kerajaan feudal yang mengamalkan sistem hierarki dan pengasingan kuasa yang jelas. Kuasa tertinggi adalah pada raja. Raja dibantu oleh Lac Hau (*Civil Officer*) dan Lac Tuong (*Military Officer*). Tugas Lac Tuong merupakan pegawai tadbir urusan kepada setiap daerah. Setiap daerah diketuai oleh adik-beradik raja. Di bawah daerah adalah kampung-kampung yang ditadbir oleh adik-beradik raja ataupun golongan kerabat diraja.<sup>10</sup> Raja, Lac Hau dan pegawai-pegawai tinggi tentera adalah diwarisi secara turun-temurun. Anak lelaki raja diberi gelaran *quan lang*, sementara anak perempuan digelar sebagai *me nang* atau *my nung*.<sup>11</sup>

Dari segi kehidupan pula, masyarakat Van Lang telah mencapai suatu tahap tamadun yang agak tinggi. Mereka memperbaiki dan mengubahsuai teknik-teknik yang digunakan oleh masyarakat Xich Quy. Dari segi pekerjaan, kebanyakan daripada mereka merupakan petani, nelayan dan pelayar.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.5-6.

<sup>10</sup> Truong Huu Quynh (ed.), *Dai Cuong Lich Su Viet Nam, Tap I : Tu Thoi Nguyen Thuy Den Nam 1858*, (Sejarah Vietnam : Jilid I : Dari Zaman Primitif sehingga Tahun 1858), Ha Noi : Nha Xuat Ban Giao Duc, 2005, hlm.46.

<sup>11</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.7 dan Chen Chingho, *Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.98.

<sup>12</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.8.

Kerajaan Van Lang telah kekal selama 2622 tahun iaitu dari tahun 2879 sebelum masihi hingga 258 sebelum masihi di bawah pemerintahan lapan belas orang Hung Vuong. Krisis kerajaan Van Lang berlaku pada tahun 257 sebelum masihi apabila Hung Vuong ke-18 iaitu Raja Quy The enggan mengahwinkan anak perempuannya My Nuong dengan Raja Thuc (*Thuc Vuong*).<sup>13</sup> Beliau bertindak sedemikian kerana takut Raja Thuc akan menggunakan alasan perkahwinan sebagai umpan untuk menakluki Van Lang. Akibat daripada tindakan tersebut, anak saudara Raja Thuc iaitu Thuc Vuong Phan telah diarah untuk menyerang Van Lang dan beliau berjaya menaklukinya pada tahun 257 sebelum masihi.<sup>14</sup> Justeru itu, tamatnya dinasti Hong Bang yang mendirikan kerajaan Van Lang.

Thuc Vuong Phan telah memerintah kerajaan yang baru ditaklukinya dan menamakan kerajaan barunya sebagai Au Lac. Beliau menggelar diri sebagai An Duong Vuong (Raja An Duong).<sup>15</sup> Pemerintahan raja An Duong telah memulakan satu dinasti baru iaitu dinasti Thuc. Pada tahun 255 S.M., raja An Duong telah mendirikan Loa Thanh (*city of shell*).<sup>16</sup> Semasa pemerintahan raja An Duong di selatan kerajaan Au Lac<sup>17</sup>, raja China iaitu raja Thuy Hoang (maharaja Shi Huang Ti) dari dinasti Chin di sebelah utara ingin menyatukan China. Maka pada tahun 214 S.M., maharaja Shi Huang Ti telah menghantar jeneral Do Thu untuk menakluki Bach Viet<sup>18</sup> (kini wilayah Ho Nam, Quang Dong dan Quang Tay).

---

<sup>13</sup> Kerajaan Thuc terletak di kawasan Tu Xuyen, China. *Dai Viet Su Ky Toan Thu*, (Rekod Sejarah Dai Viet), hlm.69.

<sup>14</sup> Chen Chingho, *Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.99 dan Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.9-10.

<sup>15</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.10.

<sup>16</sup> Loa Thanh dikenali sebagai “city of shell” kerana bentuknya yang merupai kerang. Ibid.

<sup>17</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.10.

<sup>18</sup> Ibid.

Akibat daripada raja An Duong takut kepada kekuatan China, akhirnya beliau telah menyerahkan Bach Viet kepada maharaja Shi Huang Ti. Justeru itu, dinasti Chin telah membahagikan tanah jajahan barunya yang merupakan gabungan Bach Viet dan Au Lac kepada tiga wilayah yang dikenali sebagai Nam Hai (kini wilayah Quang Dong, China), Que Lam (kini wilayah Quang Tay, China) dan Tuong Quan (kini Vietnam Utara).<sup>19</sup> Pentadbirannya pula diletakkan di bawah pemerintahan jeneral China. Salah seorang jeneral yang terkenal ialah Nham Ngao. Beliau merupakan komander di Nam Hai serta pembantunya yang bernama Trieu Da.

Pada tahun 210 S.M., maharaja Shi Huang Ti meninggal dunia dan diganti oleh anaknya raja Nhi The. Namun, dinasti Chin yang semakin merosot telah menyebabkan beberapa daerah baru telah didirikan di selatan China dan melepaskan diri daripada pentadbiran dan pengawasan pemerintahan dinasti Chin. Peluang sedemikian telah diambil oleh jeneral Nham Ngao dan Trieu Da untuk menakluki Nam Hai dan mendirikan kerajaan sendiri di sana untuk menentang dinasti Chin. Akan tetapi jeneral Nham Ngao meninggal dunia sebelum rancangan beliau berjaya. Justeru itu, Trieu Da<sup>20</sup> telah mengganti jeneral Nham Ngao untuk menjadi gabenor di wilayah Nam Hai.<sup>21</sup>

Trieu Da merupakan seorang yang bercita-cita tinggi dalam politik. Ini dapat dibuktikan apabila beliau meluaskan kuasanya ke selatan untuk menyerang kerajaan Au Lac pada tahun 208 S.M.. Malah untuk memastikan rancangan beliau berjaya, anak beliau Trong Thuy telah berkahwin dengan anak perempuan raja An Duong iaitu My Nuong.

---

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Trieu Da merupakan orang Cina yang berasal dari Ha Bac, China. Truong Huu Quynh, *Dai Cuong Lich Su Viet Nam* (Rekod Sejarah Vietnam), Ha Noi : Nha Xuat Ban Giao Duc, 2005, hlm.58.

<sup>21</sup> Ibid.

Langkah ini terbukti berkesan. Setelah menggalahkan raja An Duong dan menakluki kerajaan Au Lac pada tahun 207 S.M., Trieu Da telah memasukkan kerajaan Au Lac<sup>22</sup> ke dalam wilayah Nam Hai dan menamakan kerajaan barunya sebagai kerajaan Nam Viet. Trieu Da menggunakan gelaran Trieu Vu Vuong (raja Trieu Vu) sepanjang pentadbirannya di Nam Viet.<sup>23</sup> Maka bermulanya dinasti Trieu. Sebenarnya kerajaan Nam Viet merupakan negara yang ditadbir oleh komander dan pegawai China dan bukannya negara yang ditadbir oleh orang Viet kerana raja Trieu Vu berasal dari negara China. Negara Nam Viet terdiri daripada tiga buah daerah iaitu Nam Hai, Que Lam dan Tuong Quan (terletak di bahagian utara bersempadan dengan kerajaan Au Lac).<sup>24</sup>

Sebenarnya kerajaan Nam Viet merupakan sebuah negara yang kuat. Nam Viet mempunyai tanah jajahan yang luas yang meliputi Quang Dong dan Quang Tay (sebahagian daripada Quy Chau di selatan China). Kekayaan ekonomi dan sistem pengangkutan yang baik serta kedudukannya yang terletak berhampiran dengan kerajaan Au Lac di utara telah memudahkan kerajaan Nam Viet untuk menyerang dan menakluki negara Au Lac.<sup>25</sup>

Sementara di China, setelah kejatuhan dinasti Chin dan diganti dengan dinasti Han pada tahun 206 S.M., jeneral Luu Bang telah menaiki takhta dan mengisytiharkan diri sebagai maharaja Cao To (maharaja Cao Zu). Pada peringkat awal, maharaja Cao Zu mengakui negara Nam Viet yang ditadbir oleh raja Trieu Vu, dengan menghantar Luc Gia

---

<sup>22</sup> Setelah berjaya menakluki Au Lac, Trieu Da membahagikan Au Lac kepada dua daerah iaitu Giao Chi (meliputi kawasan utara Vietnam kini) dan Cuu Chan (meliputi Thanh Hoa, Nghe An dan Ha Tinh). Ibid., hlm.63.

<sup>23</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.11.

<sup>24</sup> Truong Huu Quynh, *Dai Cuong Lich Su Viet Nam* (Rekod Sejarah Vietnam), hlm.59.

<sup>25</sup> Ibid., hlm.108.

ke negara Nam Viet pada tahun 196 untuk mengakui raja Trieu Vu sebagai raja Nam Viet.<sup>26</sup> Langkah yang diambil oleh maharaja Cao Zu boleh dilihat sebagai salah satu strategi untuk mengukuhkan kedudukan beliau di China dan tidak ingin mewujudkan konflik di antara China dengan negara Nam Viet yang dianggap agak kuat pada waktu tersebut.

Setelah kematian maharaja Cao Zu pada tahun 195 S.M., maharani Luu Hau meneruskan pucuk pimpinan di China. Pada tahun 184 S.M., beliau telah mengharamkan segala urusniaga China dengan Nam Viet terutamanya emas, perak dan logam yang lain serta bidang penternakan.<sup>27</sup> Tindakan maharani Luu Hau telah menyebabkan wujudnya ketegangan di antara dua buah negara ini sehingga tercetusnya perang. Tentera raja Trieu Vu telah melancarkan serangan ke atas kawasan pengaruh maharani Luu Hau. Tindakan raja Trieu Vu telah menyebabkan China membala dendam dengan menghantar tentera ke Nam Viet pada tahun 183 S.M..

Selepas kemangkatan maharani Luu Hau pada tahun 180 S.M., maharaja Van De yang menaiki takhta pada tahun 179 S.M. telah menghantar Luc Gia ke Nam Viet untuk memulihkan semula hubungan mesra dengan Nam Viet.<sup>28</sup> Pemerintahan raja Trieu Vu berakhir pada tahun 137 S.M.. Pemerintahan Nam Viet diteruskan oleh Trieu Van Vuong (raja Trieu Van) pada tahun 137 S.M. hingga 125 S.M.. Beliau merupakan seorang raja yang lemah. Ini dapat dibuktikan apabila Nam Viet diserang oleh negara Man Viet, beliau tidak berani menghantar tentera untuk menentang musuhnya, sebaliknya meminta bantuan dari China. Akibatnya China telah mengambil peluang ini untuk menasihati raja Trieu Van

<sup>26</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.12 dan Chen Chingho, *Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.108.

<sup>27</sup> Chen Chingho, *Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.109.

<sup>28</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.13 dan Chen Chingho, *Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol. 1, hlm.109.

untuk menghantar ufti kepada maharaja China. Namun raja Trieu Van hanya menghantar pewarisnya iaitu anak lelaki sulung beliau putera Anh Te ke China dan tinggal di sana kira-kira sepuluh tahun. Kemudian beliau kembali ke Nam Viet pada tahun 125 S.M. untuk mengganti bapanya sebagai pemerintah di sana. Beliau menggunakan gelaran Trieu Minh Vuong (raja Trieu Minh).<sup>29</sup>

Selepas kemangkatan raja Trieu Minh pada tahun 113 S.M., dinasti Trieu diteruskan oleh anak beliau iaitu putera Hung dengan gelaran Trieu Ai Vuong (raja Trieu Ai). Namun beliau hanya memerintah Nam Viet selama setahun sahaja kerana beliau dibunuhan pada tahun 112 S.M.. Justeru itu, Kien Duc, anak sulung raja Trieu Minh telah mengisytiharkan beliau sebagai Trieu Duong Vuong (raja Trieu Duong). Namun tidak sampai setahun raja Trieu Duong memerintah Nam Viet, maharaja Vu De dari China telah menghantar jeneral Lo Bac Duc dan Duong Boc mengetuai lima rejimen tentera untuk menakluki Nam Viet pada tahun 111 S.M..<sup>30</sup> Peristiwa ini telah menandakan bermulanya era penaklukan China ke atas Vietnam selama seribu tahun sehingga tahun 938.

### **Zaman Penaklukan China di Vietnam**

Selepas berjaya menakluki Nam Viet pada tahun 111 S.M., maharaja Vu De menjadikan Nam Viet sebagai sebahagian daripada China dan membahagikannya kepada sembilan daerah yang terdiri daripada :

- a) Nam Hai (kini wilayah Quang Dong dan Quang Tay di China)
- b) Thuong Ngo (kini wilayah Quang Tay)
- c) Uat Lam (kini wilayah Quang Dong dan Quang Tay di China)

---

<sup>29</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.14.

<sup>30</sup> Ibid., hlm.15 dan Chen Chingho, *Da Yue Shi Ji Quan Shu*, (Rekod Lengkap Sejarah Dai Viet), Vol 1, hlm.119.

- d) Hop Pho (kini wilayah Quang Dong di China)
- e) Giao Chi (kini utara Vietnam dan wilayah utara di Vietnam Tengah)
- f) Cuu Chan (kini Thanh Hoa, Nghe An, Ha Tinh)
- g) Nhat Nam (kini Quang Nam, Da Nang)
- h) Chau Nhai (kini Pulau Hai Nam)
- i) Dam Nhi (kini Pulau Hai Nam)<sup>31</sup>

Setiap daerah ini ditadbir oleh Thai Thu (gabenor), di bawah pengawasan Jeneral Inspektor. Menurut catatan, Jeneral Inspektor Giao Chi yang bernama Dang Nhuong pernah menghantar rombongan untuk membayar ufti kepada maharaja Quang Vu (dinasti Han Timur, tahun 25 hingga 220) sejak tahun 29.<sup>32</sup>

Pergolakan politik berlaku pada tahun 34 semasa pemerintahan To Dinh di daerah Giao Chi. Keperibadian To Dinh yang kejam dan zalim telah menimbulkan kemarahan penduduk Giao Chi.<sup>33</sup> Kemarahan penduduk Giao Chi meningkat apabila Thi Sach, selaku ketua feudal di wilayah Chau Dien (kini wilayah Vinh Yen) telah dibunuh oleh To Dinh pada tahun 40. Akibat daripada pembunuhan tersebut, penentangan telah dilakukan oleh isteri Thi Sach<sup>34</sup> iaitu Trung Trac bersama dengan adiknya Trung Nhi terhadap To Dinh.<sup>35</sup>

Penentangan dua orang adik-beradik itu telah mendapat sokongan daripada ketua-ketua feudal daerah Cuu Chan, Nhat Nam dan Hop Pho. Maka dalam masa yang singkat,

<sup>31</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.19.

<sup>32</sup> Ibid., hlm.19-21.

<sup>33</sup> Ibid., hlm.22 dan *Shi Ji*, Vol. 6 : *Qin Shi Huang Benji* (Rekod Sejarah Maharaja Qin Shi Huang), No.6.

<sup>34</sup> Trung Trac merupakan anak sulung kepada Ketua Tentera wilayah Me Linh (kini wilayah Phuc Yen). Ibid., hlm.22.

<sup>35</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, Saigon : Ministry of Cultural Affairs, No. II, hlm.9.

mereka telah berjaya menakluki 65 buah bandar di Giao Chi. Justeru itu, dua orang adik-beradik tersebut telah mengisytiharkan diri sebagai ratu dan meluaskan kuasa mereka ke seluruh negara serta mendirikan ibu kota barunya di Me Linh (Tay Son).<sup>36</sup>

Walau bagaimanapun, kemenangan Trung Trac dan Trung Nhi hanya bertahan setahun sahaja. Ini kerana pada tahun berikutnya, maharaja Quang Vu (dinasti Han Barat) dari China telah menghantar jeneral Ma Vien dan pembantunya Luu Long serta komander laut iaitu Doan Chi untuk menghapuskan pemberontakan tentera adik-beradik Trung dan mereka berjaya merampas balik Giao Chi.<sup>37</sup> Sebenarnya penentangan adik-beradik Trung telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk Giao Chi tentang kepentingan kemerdekaan sesebuah negara. Malah seorang sejarawan abad ke-13 iaitu Le Van Huu telah memberi penghormatan yang sangat tinggi kepada perjuangan Trung Trac dan Trung Nhi seperti mana yang ditulis oleh beliau dalam buku *Dai Viet Su Ky* (The History of Dai Viet) seperti berikut :

*“It was like turning your hand that the Trung Sister took sixty five cities and founded a kingdom. Is it not shameful of us that, in spite of their example, we accepted to be slaves for over one thousand years, from the Trieu to the Ngo dynasties ?”<sup>38</sup>*

Pemberontakan adik-beradik Trung telah menyedari China tentang ancaman yang telah wujud di Giao Chi. Justeru itu, China telah memperketat dasar pemerintahan mereka ke atas Giao Chi dari tahun 43 hingga tahun 544. Maharaja Quang Vu telah mengamanahkan jeneral Ma Vien untuk mengaplikasikan sistem pentadbiran China yang lebih ketat di Giao Chi dengan meletakkan pegawai-pegawai dari China untuk mentadbir

<sup>36</sup> Ibid., hlm.22 dan Yu Fuzhao, *Yue Nam Li Shi*, (Sejarah Vietnam), Beijing, Jun Shi Yi Wen Chu Ban She, 2001, hlm.24.

<sup>37</sup> *Hou Han Shu* (Sejarah Penghujung Dinasti Han), Vol. 24, *Ma Yuan Lie Zhuan* (Koleksi Biografi Ma Yuan), No.14 dan Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.22-23.

<sup>38</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.23.

Giao Chi.<sup>39</sup> Ketegasan jeneral Ma Vien untuk mentadbir Giao Chi buat selama-lamanya dapat dilihat melalui perkataan yang diukir pada tiang gangsa yang telah didirikan oleh beliau di sempadan. Perkataan tersebut berbunyi “*If this column fall, the people of Giao Chi will be exterminated.*”<sup>40</sup>

Untuk memastikan matlamat China tercapai, maka semasa pemerintahan dinasti Han Timur, pegawai-pegawai dari China telah dihantar untuk mentadbir tiga buah wilayah dan 56 buah daerah di Giao Chi. Pegawai-pegawai tersebut mengganti ketua-ketua feudal yang diwujudkan sebelum ini.<sup>41</sup> Namun sifat gelojoh dan zalim yang ada pada pentadbir China telah membangkitkan kemarahan penduduk Giao Chi. Penduduk Giao Chi telah dipaksa untuk mencari kayu-kayan yang berharga serta mencari mutiara di lautan terutamanya di daerah Hop Pho yang kaya dengan mutiara untuk pentadbir-pentadbir China. Keadaan sedemikian telah menyebabkan ramai penduduk daerah Hop Pho meninggalkan kampung halaman mereka untuk mengelakkan diri daripada penindasan golongan pentadbir China yang tamak ini.<sup>42</sup> Tindakan golongan pentadbir China ini menggambarkan betapa tamak dan kejamnya mereka yang hanya memikirkan keuntungan semata-mata dengan tidak menghiraukan keselamatan penduduk Hop Pho yang terpaksa mencari mutiara di lautan dalam. Salah satu faktor yang menyebabkan golongan pentadbir ini berani berbuat sedemikian adalah disebabkan oleh kerajaan pusat China terletak terlalu jauh dari Giao Chi. Ini menyebabkan segala aduan dan ketidakpuasan penduduk Giao Chi tidak dapat diketahui oleh pihak pemerintah di China. Keadaan sedemikian telah menyebabkan kegiatan korupsi berlaku berleluasa dalam kalangan pentadbir di Giao Chi. Justeru itu, pemberontakan telah

<sup>39</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.9.

<sup>40</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.24.

<sup>41</sup> *Hou Han Shu* (Sejarah Penghujung Dinasti Han), Vol. 24, *Ma Yuan Lie Zhuan* (Koleksi Biografi Ma Yuan), No.14.

<sup>42</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.24.

berlaku di merata-rata tempat di Giao Chi akibat daripada kemarahan penduduk tempatan terhadap sistem pentabiran yang zalim itu.

Sehinggalah pada akhir dinasti Han Timur, wujud seorang gabenor Giao Chi yang berkaliber iaitu Si Nhiep. Beliau telah berusaha untuk menghapuskan perompak dan kumpulan bersenjata di Giao Chi. Malah nama Giao Chi telah ditukar kepada nama Giao Chau setelah diperkenankan oleh maharaja China.<sup>43</sup> Dinasti Han Timur tamat pada tahun 220 dan negara China dipecahkan kepada tiga buah kerajaan yang ditadbir oleh tiga buah keluarga yang berpengaruh iaitu Bac Nguy (Wei Utara), Tay Thuc (Xu Barat) dan Dong Ngo (Wu Timur). Akibat daripada perpecahan tersebut, wilayah Giao Chau dimasukkan ke dalam kerajaan Wu Timur. Walaupun Giao Chau telah dimasukkan ke dalam kerajaan Wu Timur, Si Nhiep terus berkhidmat di bawah pemerintahan Wu Timur selama enam tahun. Apabila beliau meninggal dunia pada tahun 226, anaknya Si Huy mengisytiharkan dirinya sebagai gabenor daerah Giao Chau dan mewujudkan penentangan terhadap kerajaan Wu Timur. Namun apabila kerajaan Wu Timur menghantar tentera ke Giao Chau, Si Huy telah tangkap dan dibunuhi.<sup>44</sup>

Semasa Wu Timur di bawah pemerintahan raja Ton Quyen, beliau membahagikan jajahan Giao Chau kepada dua bahagian. Bahagian utara dikenali sebagai Quang Chau sementara di bahagian selatan digelar sebagai Giao Chau. Lu Dai telah dilantik sebagai Jeneral Inspektor di Quang Chau sementara Dai Luong sebagai Jeneral Inspektor di Giao Chau. Manakala Tran Thi telah dilantik sebagai gabenor di daerah Giao Chau. Tidak lama

---

<sup>43</sup> Ibid., hlm.25-26.

<sup>44</sup> Ibid., hlm.26.

kemudian, raja Ton Quyen menyatukan Quang Chau dan Giao Chau ke dalam satu unit pentadbiran iaitu di bawah pemerintahan Lu Dai.<sup>45</sup>

Pada tahun 248, Luc Dan telah dilantik sebagai Inspektor di Giao Chau. Pada tahun yang sama, satu pemberontakan yang diketuai oleh Trieu Au<sup>46</sup> telah dilancarkan untuk menentang kerajaan Wu Timur. Selama lima tahun Trieu Au menentang kerajaan Wu Timur tetapi diakhiri dengan kegagalan.<sup>47</sup> Trieu Au merupakan wanita ketiga yang bangun menentang China untuk mendapat kemerdekaan bagi negaranya selepas perjuangan Trung Trac dan Trung Nhi. Peristiwa ini membuktikan bahawa wanita juga memainkan peranan yang penting dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Vietnam.

Pada tahun 264, raja Wu Timur telah menggabungkan daerah Nam Hai, Thuong Ngo dan Uat Lam ke dalam daerah Quang Chau. Sementara daerah lain seperti Hop Pho, Giao Chau, Cuu Chan dan Nhat Nam telah dimasukkan ke dalam daerah Giao Chau. Dinasti Wu Timur tamat pada tahun 280 dan diganti dengan dinasti Jin dari tahun 280 hingga tahun 420.

Pentadbir dinasti Jin yang lemah di Giao Chau telah menyebabkan kerajaan jirannya Lam Ap<sup>48</sup> (kemudian dikenali sebagai Chiem Thanh) menyerang kawasan Giao Chau, Cuu

---

<sup>45</sup> Ibid., hlm.27.

<sup>46</sup> Trieu Au berasal dari daerah Cuu Chan (kini wilayah Thanh Hoa). Beliau merupakan anak yatim yang tinggal bersama dengan abangnya Trieu Quoc Dat sehingga beliau berumur 20 tahun. Beliau mempunyai 1000 orang tentera. Apabila abangnya menentang China di daerah Cuu Chan, beliau menyertai penentangan tersebut bersama tenteranya. Semasa pemerintahan raja Nam De (dinasti Ly Awal) pada tahun 544, sebuah pagoda telah dibina di kampung Phu Dien, wilayah Thanh Hoa untuk mengingati perjuangan Trieu Au. Ibid., hlm.27.

<sup>47</sup> Ibid.

<sup>48</sup> Negara Lam Ap terletak di antara daerah Nhat Nam dan Chan Lap (kini wilayah Quang Binh dan Quang Tri dan kemudiannya diperluaskan sehingga ke selatan Vietnam). Dikatakan bahawa penduduk Lam Ap berasal dari Malaya yang mana aspek keagamaan dan politiknya berhubung rapat dengan India. Ibid., hlm.29.

Chan dan Nhat Nam. Sehinggalah pada tahun 420, Do Tue Do dari China telah melancarkan serangan secara besar-besaran ke atas Lam Ap dan memperoleh kemenangan. Maka sejak waktu itu, Lap Ap dikehendaki membayar ufti kepada negara China. Bentuk ufti ini adalah terdiri daripada gading gajah, emas, perak dan kulit kura-kura. Namun, penghantaran ufti kepada China ditamatkan pada tahun 433 apabila raja Pham Duong Mai menaiki takhta di Lam Ap. Akibat daripada tindakan tersebut, akhirnya tercetus perang di antara China dengan Lam Ap.<sup>49</sup>

Dinasti Jin berakhir pada tahun 420 apabila Luu Du merampas takhta dan seterusnya mengasaskan dinasti Sung. Pada waktu ini wujudnya dua buah kerajaan di China iaitu Bac Trieu (Kerajaan Utara), dari tahun 386 hingga tahun 581 dan Nam Trieu (Kerajaan Selatan), dari tahun 420 hingga tahun 589. Kerajaan Utara yang meliputi kawasan Liang, Yen dan Xia adalah di bawah pemerintahan dinasti Wei (dinasti Wei Utara dari tahun 386 hingga tahun 534, dinasti Wei Timur dari tahun 534 hingga tahun 550), dinasti Qi (550-577), dinasti Chou (577-582). Sementara Kerajaan Selatan yang merangkumi Giao Chau adalah di bawah pemerintahan dinasti Sung (420-479), dinasti Qi (479-502), dinasti Liang (502-557) dan dinasti Chen (557-589).<sup>50</sup>

Pemberontakan menentang China berlaku lagi pada tahun 541 semasa dinasti Liang di bawah pemerintahan Maharaja Vu De di China. Pemberontakan tersebut diketuai oleh Ly Bon.<sup>51</sup> Dengan bantuan dan sokongan daripada patriot yang lain, beliau telah memimpin tentera untuk menentang sistem pemerintahan China yang zalim dengan menghalau

---

<sup>49</sup> Ibid., hlm.29-30.

<sup>50</sup> Ibid., hlm.31.

<sup>51</sup> Ly Bon juga dikenali sebagai Ly Bi. Beliau berasal dari China. Nenek moyang beliau telah berhijrah ke Giao Chau selama tujuh generasi sejak dinasti Han Barat akibat daripada pergolakan politik di China. Ly Bon bukan sahaja merupakan seorang sarjana tetapi juga merupakan seorang perancang strategi. Ibid. hlm.33.

gabenor Giao Chau iaitu Tieu Tu balik ke China. Setelah Ly Bon berjaya mengalahkan Lam Ap pada tahun 543 dan mengalahkan China pada tahun 544, beliau telah mengisytiharkan diri sebagai raja Nam Viet (Nam Viet De atau juga dikenali sebagai Ly Nam De) serta menamakan kerajaan beliau sebagai Van Xuan (Ten Thousands Spring Time).<sup>52</sup> Kejayaan beliau membebaskan Giao Chau daripada pentadbiran China sedikit sebanyak berkaitan dengan kebijaksanaan beliau dalam mengatur strategi penentangannya iaitu pada waktu berlakunya pergolakan politik di China.

Walau bagaimanapun, kemerdekaan kerajaan Van Xuan hanya kekal dalam tempoh yang singkat sahaja. Ini kerana pada tahun 545, maharaja China dinasti Liang telah berjaya menakluki semula kerajaan Van Xuan melalui jeneral Tran Ba Tien. Justeru itu, Duong Phieu telah dilantik oleh China sebagai Jeneral Inspektor di Giao Chau.

Selepas kejatuhan Ly Nam De pada tahun 548, pemerintahan Giao Chau diteruskan oleh Trieu Viet Vuong (raja Trieu Viet). Ly Phat Tu yang merupakan leftenant kepada bekas Ly Nam De telah melancarkan serangan ke atas raja Trieu Viet. Seterusnya Ly Phat Tu mengisytiharkan diri sebagai raja Hau Ly Nam De (the Later Ly Nam De) dan mendirikan ibu kotanya di Phong Chau (kini wilayah Vinh Yen). Akan tetapi, Ly Phat Tu menyerahkan Giao Chau kepada China pada tahun 602 kerana takut dengan kekuatan China.<sup>53</sup> Pemberontakan yang berlaku pada tahun-tahun 541, 547, 590 dan 603 telah berjaya dihapuskan oleh China dengan mempunyai pasukan tentera yang kuat.<sup>54</sup>

---

<sup>52</sup> Ibid.

<sup>53</sup> Ibid., hlm.33-36.

<sup>54</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.10.

Semasa dinasti Tang (618-907), Giao Chau diberi nama baru oleh China sebagai Kerajaan Naungan An Nam (An Nam Protectorate State).<sup>55</sup> An Nam bermaksud “mengamankan Selatan”. Pengaruh China ke atas Giao Chau yang kemudiannya dipanggil sebagai An Nam dapat dilihat dari segi sistem tulisan, kebudayaan dan kesusasteraan China yang telah diperkenalkan di Giao Chau sejak ia diperintah oleh dinasti Han sehingga dinasti Tang.<sup>56</sup>

Selepas dinasti Tang, An Nam dikenali sebagai Tinh Hai dan diperintah oleh raja-raja dinasti Liang Lewat (Late Liang) (907-923) seperti Khuc Thua Du (906-907), Khuc Hao (907-917) dan Khuc Thua My (917-923). Kemudian Tinh Hai dikuasai oleh dinasti Tang Lewat (Late Tang) (923-936). Era ini penuh dengan ketidakstabilan politik di Tinh Hai kerana berlakunya konflik di antara kerajaan Liang Lewat (Hau Luong) dengan kerajaan Tang Lewat (Hau Duong) ke atas hak ketuanan masing-masing di Tinh Hai. Keadaan sedemikian telah menyebabkan pembesar Tinh Hai iaitu Duong Dien Nghe mengisytiharkan dirinya sebagai Gabenor Tentera Tinh Hai pada tahun 931.<sup>57</sup> Namun, tidak lama kemudian Duong Dien Nghe dibunuh oleh Kieu Cong Tien. Seterusnya, Kieu Cong Tien mentadbir Tinh Hai sehingga tahun 936.<sup>58</sup>

### Zaman Pemerintahan Orang Viet

Tindakan Kieu Cong Tien telah menyebabkan Ngo Quyen, selaku menantu kepada Duong Dien Nghe bangkit menggulingkan Kieu Cong Tien yang mendapat bantuan

---

<sup>55</sup> Ibid., hlm.31 dan Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.20.

<sup>56</sup> Anthony Reid, *Southeast Asia in the Early Modern Era, Trade, Power and Belief*, Ithaca : Cornell University Press, 1993, hlm.6.

<sup>57</sup> *Dai Viet Su Ky Toan Thu, Ngoai Ky*, Vol. 5, *Nam Bac Phan Tran Ky* (Rekod Sejarah Dai Viet, Rekod Seberang laut :Konflik di antara Kerajaan Selatan dan Kerajaan Utara).

<sup>58</sup> Nguyen Van Thai and Nguyen Van Mung, *A Short History of Viet Nam*, hlm.20.

daripada kerajaan Tang Lewat. Apabila kerajaan Ngo Quyen menggulingkan kerajaan China pada tahun 939, ia telah menandakan bermulanya kemerdekaan Tinh Hai. Tahun 939 juga merupakan tahun terbentuknya dinasti yang pertama bagi orang Viet di bawah pimpinan Ngo Quyen.<sup>59</sup>

Selepas Tinh Hai mendapat kemerdekaan pada tahun 939, Tinh Hai diperintah oleh enam dinasti yang bermula dengan dinasti Ngo (939-944), dinasti Dinh (968-980), dinasti Le Awal (980-1009), dinasti Ly (1010-1225), dinasti Tran (1225-1400) dan dinasti Ho (1400-1407).<sup>60</sup> Semasa dinasti Dinh (968-980), raja Dinh telah menukar nama kerajaannya kepada Dai Co Viet pada tahun 968. Walau bagaimanapun, krasis dalaman yang berlaku pada zaman pemerintahan Ho telah menyebabkan China berpeluang menakluki semula Dai Co Viet daripada tahun 1407 hingga tahun 1428 semasa dinasti Minh.<sup>61</sup>

Semasa Dai Co Viet di bawah pemerintahan dinasti Ming (1368-1644), sistem pentadbiran China telah diaplikasikan ke atas Dai Co Viet. Sebahagian besar golongan mandarin Dai Co Viet telah diganti dengan pentadbir-pentadbir China. Sementara golongan mandarin yang masih kekal di dalam birokrasi diawasi oleh penasihat China yang digelar sebagai T'ung Chih. Pada tempoh ini, ekonomi Dai Co Viet telah dieksplotasi oleh pentadbir-pentadbir China secara maksimum.<sup>62</sup> Keadaan sedemikian akhirnya telah mencetuskan gerakan nasionalisme dalam kalangan penduduk Dai Co Viet di bawah pimpinan Le Loi.<sup>63</sup>

---

<sup>59</sup> Ibid.

<sup>60</sup> Dinh Khac Thuan, *Lich Su Trieu Mac Qua Thu Tich Va Van Bia*, (Sejarah Dinasti Mac Melalui Bibliografi dan Epigrafi), Ha Noi : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2001, hlm.405.

<sup>61</sup> Ibid. dan Anthony Reid, *Southeast Asia in the Early Modern Era, Trade, Power and Belief*, hlm.6.

<sup>62</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.11.

<sup>63</sup> Le Loi berasal dari Bukit Lam Son yang terletak di bahagian utara Vietnam Tengah. Ibid.

Pada tahun 1428, China diusir keluar dari Dai Co Viet di bawah pimpinan Le Loi. Justeru itu, Le Loi telah menukar nama Dai Co Viet kepada Dai Viet. Di bawah pemerintahan Le Loi, institusi politik Dai Viet telah didirikan semula dengan berdasarkan fahaman Confucianisme iaitu dengan mewujudkan sistem pemerintahan golongan mandarin untuk memastikan kemerdekaan Dai Viet yang berkekalan.<sup>64</sup> Oleh yang demikian, Le Loi dikenali sebagai *The Pacifier* dalam usaha mengekalkan keamanan Dai Viet.

Salah satu faktor yang tidak dapat dinafikan adalah walaupun wujudnya gerakan penentangan terhadap penjajah China, namun pemindahan tamadun China ke atas Dai Viet tetap merupakan sesuatu yang semulajadi. Pemerintahan Dai Viet di bawah pimpinan Ly, Tran dan Le tidak pernah berfikir untuk melepaskan cara pemerintahan empayar China, malah mencontohi sistem pemerintahan mereka. Secara praktikal, sistem peperiksaan kesusteraan telah diperkenalkan buat pertama kalinya di Dai Viet semasa pemerintahan Ly Nhan Tong (1072-1127) untuk memilih pegawai menjadi pentadbir negara. Sistem peperiksaan ini merupakan sistem peperiksaan yang dilaksanakan di China yang berdasarkan ajaran Confucius.<sup>65</sup>

Malah dikatakan bahawa usaha untuk membentuk negara Dai Viet sebagai imej kepada negara China mencapai kemuncaknya di bawah pemerintahan Le Thanh Tong (1460-1497). Beliau mengamalkan gaya *Son of Heaven* iaitu menganggap diri bagi maharaja dalam sistem pentadbiran beliau. Beliau banyak melibatkan diri dalam aktiviti pentadbiran negara. Sistem undang-undang yang diperkenalkan pada zaman pemerintahan

---

<sup>64</sup> Anthony Reid, *Southeast Asia in the Early Modern Era, Trade, Power and Belief*, hlm.6.

<sup>65</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.12.

dinasti Minh seperti undang-undang tanah, pendaftaran, percukaian, tanggungjawab tentera serta perkhidmatan buruh masih dikekalkan. Malah Kod Undang-undang Hong Duc telah digubal oleh Le Thanh Tong pada tahun 1483 berdasarkan sistem perundangan dinasti Tang yang berjudul “*Tanglu Shu Yi*”.<sup>66</sup>

Selain itu, untuk mendapatkan pengakuan daripada China, maka raja-raja Dai Viet secara automatik akan mengakui kekuasaan maharaja China. Pengakuan ini amatlah penting kerana ia merupakan tanda sokongan daripada maharaja China kepada Dai Viet.<sup>67</sup> Secara teorinya, pengakuan kuasa sedemikian adalah lebih kepada prestij dan kuasa politik yang ada pada negara China. Sehubungan itu, menurut seorang penulis bernama Philippe Langlet, untuk mengekalkan hubungan yang rapat dengan China, maka seolah-olahnya sudah menjadi satu ciri tetap dalam sejarah Vietnam iaitu menjadikan Vietnam sebagai “*a national state in the midst of Chinese civilization*”.<sup>68</sup>

### **Pembentukan Kerajaan di Selatan Vietnam**

Satu lagi ciri tetap dalam sejarah Vietnam adalah sejak ia mendapat kemerdekaan pada tahun 939, maka mula berkembangnya gerakan “*Nam Tien*” yang bermaksud perluasan kuasa ke selatan Vietnam tanpa halangan di sepanjang dataran pantai Laut China Selatan. Gerakan perluasan kuasa ke selatan Vietnam merupakan satu tindakan yang perlu akibat daripada tekanan pertambahan penduduk yang semakin ramai di utara Vietnam terutamanya selepas wujudnya satu zaman keamanan di Vietnam yang dikenali sebagai “*Pax Sinica*”. Oleh yang demikian, Dai Co Viet perlu berusaha meluaskan tanah jajahannya

---

<sup>66</sup> Ibid. dan Tran Trong Kim, *Viet Nam Su Luoc* (Sejarah Vietnam), terjemahan Dai Kelai, Beijing : Shang Wu Yin Shu Guan, 1992, hlm. 244-246.

<sup>67</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.12

<sup>68</sup> Ibid., hlm.13.

untuk menyelesaikan masalah petani yang tiada tanah kerana dataran Sungai Merah di utara Dai Co Viet memang tidak cukup untuk menampung penduduk yang semakin bertambah.<sup>69</sup> Tindakan sedemikian merupakan satu langkah yang perlu kerana ini akan menenangkan hati penduduk di utara Dai Co Viet yang tidak cukup tanah untuk menanam tanaman mereka.

Sebenarnya perluasan kuasa Dai Co Viet hanya boleh dilakukan dalam satu arah sahaja iaitu ke selatan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Di utara Dai Co Viet, kerajaan Dai Co Viet menghadapi masalah penduduk yang terlalu padat. Untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan Dai Co Viet terpaksa meluaskan tanah jajahan ke selatan untuk memindahkan sebahagian besar penduduk di utara ke selatan. Selain itu, kekuatan kerajaan China yang terlalu kuat yang terletak di sempadan utara Dai Co Viet juga menyebabkan kerajaan Dai Co Viet tidak berani meluaskan kuasanya ke sebelah utaranya. Tambahan pula, kerajaan Dai Co Viet juga kurang berminat untuk memindahkan penduduknya yang berlebihan ke selatan China.<sup>70</sup>

Di sebelah timur pula, seandainya kerajaan Dai Co Viet meluaskan jajahannya ke sebelah timur, maka mereka akan cepat sampai ke laut. Ini adalah kerana jaraknya adalah tidak jauh dari kawasan kediaman penduduk yang terjauh di lembah hingga ke laut.<sup>71</sup> Keadaan muka bumi yang sempit dari barat ke timur telah membatalkan hasrat kerajaan Dai Co Viet meluaskan jajahannya ke sana.

---

<sup>69</sup> Ibid.

<sup>70</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, New York : Frederick A. Praeger Inc., 1958, hlm.39.

<sup>71</sup> Ibid.

Sementara melihat ke arah barat pula, apa yang boleh dilihat oleh mereka adalah gunung-ganang. Kawasan yang bergunung-ganang ini sememangnya tidak menarik minat kerajaan Dai Co Viet untuk meluaskan jajahannya ke sana. Ini kerana mereka mengetahui bahawa mereka akan diserang oleh serangga dan binatang liar jika mereka tinggal di sana. Tambahan pula, kawasan yang bergunung-ganang ini tidak mempunyai tanah yang subur untuk kegiatan penanaman mereka. Sebagaimana yang diketahui, objektif utama para penghijrah Dai Co Viet adalah mencari tanah yang subur. Oleh yang demikian, kawasan yang bergunung-ganang ini hanya didiami oleh orang asli.<sup>72</sup>

Setelah mempertimbangkan pelbagai faktor, akhirnya tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan Dai Co Viet adalah meluaskan jajahannya ke selatan iaitu negara jirannya kerajaan Champa yang terletak di antara 13-18 garisan latitud. Menurut Henry McAleavy, perluasan kuasa Dai Co Viet ke selatan pada peringkat awal bukan setakat untuk mencapai cita-citanya meluaskan tanah jajahannya tetapi juga merupakan satu ukuran untuk mempertahankan negaranya daripada ancaman kerajaan Champa.<sup>73</sup> Kerajaan Champa dianggap sebagai negara jiran yang bahaya kerana sering kali menyerang jajahan Dai Co Viet.<sup>74</sup>

Jika dibandingkan dengan China, kerajaan Champa jauh lebih lemah daripada China. Tambahan pula, kerajaan Champa menghadapi kekurangan kesepadan politik disebabkan oleh jajahannya yang dibahagikan kepada dataran-dataran kecil dan dipisahkan oleh banjaran Annam. Selain itu, kerajaan Champa juga menghadapi tekanan daripada kerajaan

---

<sup>72</sup> Ibid.

<sup>73</sup> Kerajaan Champa wujud pada abad pertama masihi. Kerajaan ini mempunyai tahap tamadun yang tinggi. Henry McAleavy, *Black Flags in Vietnam : The Story of a Chinese Intervention*, New York ; The Macmillan Company, 1968, hlm.13

<sup>74</sup> Ibid., hlm.24.

Khmer yang terletak di selatan.<sup>75</sup> Oleh yang demikian, setelah dipertimbangkan secara teliti oleh kerajaan Dai Co Viet, mereka lebih berani meluaskan kuasanya ke selatan iaitu Champa dan bukannya ke sebelah utara iaitu China.

Sehubungan itu, jajahan Champa telah dikuasai sedikit demi sedikit oleh petani Dai Co Viet semasa mereka bergerak ke selatan. Malah pada tahun 1069, Ly Thanh Tong telah membantu Dai Co Viet mendapat tiga daerah daripada Champa yang terletak di antara “Porte d’Annam” di 18 garisan latitud dengan “*Col des Nuages*” di 16 garisan latitud sebagai syarat untuk membebaskan raja Champa.<sup>76</sup>

Pada abad ke-12 dan abad ke-13, kerajaan Champa telah berusaha untuk merampas balik jajahannya yang telah hilang kepada Dai Co Viet. Pada awal abad ke-14, raja Tran (*Dai Co Viet*) telah memperkuatkan penguasaan mereka ke atas “*Col des Nuages*” melalui perkahwinan politik di antara raja Champa dengan puteri Huyen Tran dari Dai Co Viet. Namun demikian, pada pertengahan abad ke-14, raja Che Bong Nga di Champa telah berjaya menghalang kemaraan Dai Co Viet ke selatan buat sementara waktu, malah mengancam gerakan Dai Co Viet ke selatan. Ini kerana pada tahun 1371, ibu kota Hanoi telah dijajah oleh kerajaan Champa. Penjajahan kerajaan Champa ke atas Hanoi telah mencetuskan perang di antara kerajaan Champa dengan kerajaan Dai Co Viet untuk beberapa abad. Kuasa Champa mula merosot pada awal abad ke-15 apabila Champa terpaksa melepaskan semua jajahan mereka di utara Quang Nam kepada Dai Co Viet dan ibu kotanya Vijaya pula ditakluki oleh Dai Viet pada tahun 1471.<sup>77</sup> Keadaan sedemikian telah membuka jalan kepada Dai Viet untuk meluaskan kuasanya ke selatan “*Col des*

---

<sup>75</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.13-14.

<sup>76</sup> Ibid., hlm.14.

<sup>77</sup> Ibid.

*Nuages*" sehingga ke dataran Mekong.<sup>78</sup> Sehingga pada akhir abad ke-15, hanya tinggal beberapa buah daerah di Champa yang masih berjaya mengekalkan kemerdekaan mereka sementara Dai Viet telah berjaya menguasai seluruh kawasan sehingga ke Cape Varella di selatan.<sup>79</sup> Namun, gerakan ke selatan tidak berhenti di sana sahaja.

Penghapusan kerajaan Champa telah membawa Dai Viet berkonflik dengan Khmer di selatan. Dai Viet perlu meluaskan jajahannya ke Delta Mekong yang sebelum ini dimiliki oleh Champa. Kawasan ini dikuasai oleh segolongan kecil penduduk Khmer. Sejak awal abad ke-17, penghijrah dan penjelajah Dai Viet telah mula tinggal di sempadan timur Delta Mekong dan mereka ini disokong oleh tentera kerajaan Dai Viet untuk menuju ke arah barat dengan kadar segera.<sup>80</sup> Maka pada tahun 1691, kerajaan Dai Viet telah berjaya menakluki Saigon dari Kemboja. Kejayaan Dai Viet ke atas Saigon telah mewujudkan satu arus baru. Ramai pegawai Cina di Dai Viet telah mula berhijrah ke kawasan selatan. Malah ada di antara mereka ini mengamalkan perkahwinan campur dengan penduduk tempatan. Mereka ini masih mengekalkan kebudayaan campuran China dan Dai Viet.<sup>81</sup>

Pada abad ke-17, kerajaan Champa hanya mampu mengekalkan kemerdekaannya di kawasan Phan Rang sehingga pada tahun 1822. Apabila sampai penghujung abad ke-18, seluruh delta Sungai Mekong telah dikuasai oleh kerajaan Dai Viet.<sup>82</sup> Kawasan ini didiami oleh golongan tentera dan petani untuk mengusahakan tanah ini dan pada waktu yang sama mempertahankan kawasan ini daripada musuh. Mereka juga memberi perlindungan kepada

<sup>78</sup> Henry McAleavy, *Black Flags in Vietnam : The Story of a Chinese Intervention*, New York ; The Macmillan Company, 1968, hlm.24.

<sup>79</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.14-15.

<sup>80</sup> Ibid., hlm.15.

<sup>81</sup> Henry McAleavy, *Black Flags in Vietnam : The Story of a Chinese Intervention*, New York ; The Macmillan Company, 1968, hlm.25.

<sup>82</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.15.

penghijrah-penghijrah yang tidak bertanah dan petani-petani yang berhijrah dari utara. Kestabilan dan ketenteraman di kawasan jajahan baru ini telah mendorong terbentuknya perkampungan pertanian. Pada waktu yang sama, juga wujudnya golongan pendatang yang ingin meneroka ke selatan.<sup>83</sup>

Bagi kerajaan Dai Viet, hanyalah perluasan jajahan ke selatan yang dapat menyelesaikan masalah pertambahan penduduk yang semakin banyak di utara dan masalah kekurangan tanah untuk pertanian. Oleh yang demikian, kerajaan Dai Viet berusaha mencari delta-delta baru di antara gunung dengan laut. Kemudian mendirikan petempatan di sana. Setiap delta baru dianggap sebagai satu tapak baru, sehinggalah mereka berjaya sampai ke delta Sungai Mekong yang lebih luas berbanding dengan delta Sungai Merah di utara.<sup>84</sup> Setelah bergerak sepanjang 800 batu ke selatan, usaha mereka ini akhirnya telah membuka lembaran baru kepada sejarah Dai Viet dalam bidang politik, ekonomi maupun sosial.

Sebenarnya perluasan jajahan Dai Viet ke selatan juga merupakan salah satu punca berlakunya perpecahan negara Dai Viet kepada dua buah kerajaan pada abad ke-17. Ini adalah kerana pemberontakan demi pemberontakan yang belaku pada peringkat awal telah menyukarkan Dai Viet untuk menyatukan negaranya. Tambahan pula perluasan kuasa jajahan ke selatan telah menyebabkan ibu kota Dai Viet iaitu Hanoi sukar untuk mengawal mereka di selatan.<sup>85</sup>

---

<sup>83</sup> Ibid.

<sup>84</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.39.

<sup>85</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.16.

Pada awal abad ke-16, kecenderungan wujudnya kuasa autonomi telah berlaku dalam kalangan gabenor tempatan akibat daripada kemerosotan kuasa pada zaman pemerintahan Le. Peluang sedemikian telah diambil oleh Mac Dang Dung, selaku gabenor Thanh Long (Hanoi) untuk merampas kuasa pada tahun 1527. Untuk mengelakkan serangan dari China dan mengukuhkan kedudukannya di Dai Viet, Mac Dang Dung telah menawarkan sebahagian Dai Viet kepada China sebagai syarat China tidak akan menyerang Dai Viet dan kerajaan beliau. Tindakan beliau ini akhirnya telah mendapat pengakuan daripada kerajaan China untuk mengakui beliau sebagai pemerintah baru di Dai Viet.<sup>86</sup> Tingkah laku Mac Dang Dung ini boleh dianggap sebagai penderhaka kepada Dai Viet.

Pemerintah Le berusaha untuk memulihkan semula kerajaannya. Untuk mencapai hasrat ini, pemerintah Le telah bekerjasama dengan Nguyen Kim, seorang pemimpin Dai Viet yang merancang untuk menggulingkan kerajaan Mac Dang Dung. Nguyen Kim merupakan seorang pelarian di Laos semasa pemerintahan Mac Dang Dung di Dai Viet. Pada tahun 1532, dengan bantuan raja Laos, Nguyen Kim telah mendirikan sebuah kerajaan yang diketuai oleh seorang pemimpin keturunan Le untuk menggulingkan kerajaan Mac Dang Dung di Dai Viet. Justeru itu, perperangan telah tercetus pada tahun 1540. Perperangan yang berlarutan di antara Nguyen Kim dengan Mac Dang Dung telah menyebabkan Dai Viet dibahagikan kepada dua buah kerajaan yang berbeza. Atas nama Le, Nguyen Kim telah berjaya memenangi bahagian selatan Dai Viet sehingga ke Thanh Hoa yang terletak di penghujung delta Sungai Merah. Walau bagaimanapun, Nguyen Kim telah dibunuh pada tahun 1545 dan pemerintah Mac Dang Dung masih kuat di utara Dai Viet.<sup>87</sup>

---

<sup>86</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.163.

<sup>87</sup> Ibid., hlm.163-164.

Peperangan masih diteruskan selepas kematian Nguyen Kim. Gabenor Trinh yang mengganti tempat Nguyen Kim telah mengadakan penentangan yang berterusan ke atas kerajaan Mac Dang Dung. Trinh telah bertindak menghapuskan kuasa anak sulung Nguyen Kim iaitu Nguyen Hoang demi menjamin masa depannya di dalam kerajaan Le. Walau bagaimanapun, Trinh masih mengekalkan Nguyen Hoang dalam kerajaan Le. Pada tahun 1558, Nguyen Hoang telah memohon daripada Trinh agar membenarkan beliau meninggalkan kerajaan Le. Permohonan Nguyen Hoang telah diluluskan malah beliau telah dilantik sebagai gabenor di Thuan Hoa, kawasan selatan Dai Viet pada tahun 1558.<sup>88</sup> Thuan Hoa merupakan kawasan yang penuh dengan masalah dan kurang maju pada waktu itu. Sebelum ini, kawasan ini telah diambil oleh kerajaan Champa. Menurut buku *Liet Truyen*, kerajaan Le yang meluluskan Nguyen Hoang ke Thuan Hoa pada tahun 1558 telah membuka laluan kepada Nguyen Hoang untuk membentuk kerajaan baru di selatan Vietnam iaitu “*from that was first laid the foundation of the South*”. Sementara menurut *Tien Bien*, semua pegawai patuh dan menghormati Nguyen Hoang sebagai tuan mereka. Maka pada tahun 1559, wujudlah era baru dalam sejarah pemerintahan Nguyen di Cochinchina (selatan Vietnam) di mana semuanya bermula pada waktu itu (*everything began at that time*).<sup>89</sup>

Pada tahun 1558, Nguyen Hoang membawa kira-kira 1000 orang ahli keluarga, hamba dan tentera ke selatan Vietnam. Apabila Nguyen Hoang menjadi semakin terkenal dan berpengaruh, semakin ramai orang berhijrah ke selatan Vietnam.<sup>90</sup> Dalam tempoh 40

<sup>88</sup> Charles B. Maybon, *Lectures sur l'histoire : Moderne et Contemporaine du Pays d'Annam de 1428 à 1926*, Hanoi : Imprimerie d'Extreme-Orient Editeur, 1927, hlm.37.

<sup>89</sup> Nola Cooke, *Regionalism and the Nature of Nguyen Rule in Seventeenth Century Dang Trong (Cochinchina)*, Journal of Southeast Asian Studies 29, (1 March 1998) , Singapore : National University of Singapore, 1998, hlm.139.

<sup>90</sup> Ibid., hlm.139.

tahun menentang kerajaan Mac Dang Dung, tanah jajahan di bawah pentadbiran Nguyen Hoang bukan sahaja telah bertambah luas dan kaya, malah telah menjadi sebuah jajahan yang merdeka dan berperang dengan kerajaan Mac Dang Dung sehingga membahagikan Dai Viet kepada dua bahagian.

Pada tahun 1592, kerajaan Mac Dang Dung telah digulingkan oleh gabenor Trinh yang mengetuai kerajaan Le. Walaupun kerajaan Le berjaya dipulihkan semula, namun semua kuasa di Thang Long (Hanoi) adalah berada di dalam tangan keluarga Trinh. Malah keluarga Trinh telah menjadikan kedudukan mereka sebagai pemerintah sebenar di Dai Viet. Walaupun Le masih menduduki takhtanya, namun kuasa sebenar adalah pada keluarga Trinh. Keluarga Trinh mengetuai kerajaan Dai Viet secara turun-temurun.<sup>91</sup> Sementara keluarga Nguyen telah berjaya mengawal bahagian selatan Dai Viet yang terletak di selatan 17 garisan latitud.<sup>92</sup>

Selepas tamatnya peperangan di antara kerajaan Mac Dang Dung dan kerajaan Le pada tahun 1592, Nguyen Hoang telah dipanggil ke Thanh Long (Hanoi). Walaupun Nguyen Hoang masih taat setia kepada kerajaan Le, namun beliau tetap ingin meninggalkan Thanh Long kerana menghadapi kesukaran untuk tinggal di sana. Tindakan beliau ini boleh dilhat sebagai satu strategi untuk mengelakkan perselisihan yang mungkin berlaku di antara beliau dengan Trinh. Justeru itu, Nguyen Hoang telah menuju ke selatan dan meneruskan pentadbiran beliau di sana sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1613. Sebelum Nguyen Hoang meninggal dunia pada tahun 1613, beliau telah

---

<sup>91</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.164.

<sup>92</sup> Ibid., hlm.164-165.

menyerahkan kerajaan di selatan kepada anaknya Nguyen Phuc Nguyen<sup>93</sup> yang menggunakan gelaran *Sai Vuong*. Maka sejak waktu itu, keluarga Nguyen memerintah selatan Vietnam secara turun-temurun sebagaimana pemerintah Trinh di utara Vietnam.

Sesungguhnya kedua-dua Trinh dan Nguyen masih mengakui raja Le sebagai ketua pemerintah yang rasmi di Dai Viet, namun Dai Viet tetap dibahagikan kepada dua pentadbiran yang berbeza dan bertentangan di antara satu sama lain.<sup>94</sup> Keadaan sedemikian menggambarkan bahawa walaupun Dai Viet ditadbir oleh orang Viet, namun masih belum wujudnya perpaduan politik. Faktor inilah yang akhirnya mencetuskan perang dalaman di antara pemerintah Trinh di utara dengan pemerintah Nguyen di selatan.

Maka pada tahun 1620, pemerintah Trinh Tung di utara telah melancarkan serangan pertama ke atas pemerintah Nguyen Phuc Nguyen di selatan tetapi gagal. Apabila Trinh Trang<sup>95</sup> menaiki takhta pada tahun 1623, beliau telah melancarkan serangan yang lebih agresif ke atas selatan melalui jalan darat dan jalan laut pada tahun 1627. Akan tetapi Trinh Trang menghadapi kegagalan untuk menggulingkan kerajaan Nguyen Phuc Nguyen di selatan. Kegagalan Trinh Trang telah menyebabkan Nguyen Phuc Nguyen membalias balik serangan tersebut dan berjaya menambahkan jajahan mereka ke utara. Walau bagaimanapun, kerajaan Nguyen Phuc Nguyen tetap berpegang kepada strategi bertahan.

Sesungguhnya serangan yang datang daripada kuasa utara lebih kuat daripada kuasa selatan, namun dataran persisiran pantai yang sempit telah membantu pemerintah

<sup>93</sup> Nguyen Phuc Nguyen dilahirkan pada tahun 1563, anak keenam kepada Nguyen Hoang. Charles B. Maybon, *Lectures sur l'histoire : Moderne et Contemporaine du Pays d'Annam de 1428 a 1926*, hlm.44.

<sup>94</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.165.

<sup>95</sup> Trinh Trang merupakan anak kepada Trinh Tung. Charles B. Maybon, *Lectures sur l'histoire : Moderne et Contemporaine du Pays d'Annam de 1428 a 1926*, hlm.44.

Nguyen Phuc Nguyen di selatan berjaya mengusir keluar tentera utara yang jauh lebih kuat daripada mereka. Pemerintah Nguyen Phuc Nguyen telah membina dua tembok gergasi iaitu tembok Truong Duc yang panjangnya sepuluh kilometer dan tembok Dong Hoi yang panjangnya enam kilometer untuk menghalang serangan tentera dari <sup>96</sup>utara. Strategi ini ternyata berkesan kerana daripada tujuh kali kempen serangan besar daripada kuasa utara, tentera Trinh tidak pernah berjaya menembusi kedua-dua tembok tersebut.<sup>97</sup> Kewujudan kedua-dua pentadbiran yang berbeza ini telah menyebabkan kuasa barat menamakan kerajaan utara sebagai kerajaan Tonkin sementara kerajaan di selatan digelar sebagai kerajaan Cochinchina.<sup>98</sup>

Kuasa Trinh bukan sahaja lebih kuat daripada Nguyen, malah Trinh juga disokong oleh Belanda yang berusaha untuk bertapak di Dai Viet untuk menghalau kuasa-kuasa Eropah yang datang dari Asia Tenggara. Keadaan sedemikian telah menyebabkan wujudnya konflik di antara Belanda dengan Portugis yang menyokong pemerintah Nguyen sejak tahun 1615. Portugis telah membekalkan senjata berat kepada kerajaan Nguyen.<sup>99</sup> Oleh yang demikian, pembekalan alat senjata yang moden daripada Portugis kepada kerajaan Nguyen juga merupakan salah satu faktor pemerintah Nguyen berjaya mempertahankan selatan daripada serangan tentera Trinh.

Dari tahun 1627 hingga tahun 1672 iaitu dalam tempoh 45 tahun, berlakunya sebanyak tujuh kali perperangan di antara kerajaan Trinh di utara Vietnam dan kerajaan

<sup>96</sup> Kedua-dua tembok ini melintangi tengah Dai Viet yang berada di utara 17 garisan latitud. Tembok yang panjangnya 10 kilometer dan enam meter lebar didirikan di Truong Duc. Sementara tembok yang kedua yang panjangnya enam kilometer dibina di Dong Hoi pada tahun 1631. Charles B. Maybon, *Lectures sur l'histoire : Moderne et Contemporaine du Pays d'Annam de 1428 à 1926*, hlm.43 dan Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.16.

<sup>97</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.166.

<sup>98</sup> Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.16.

<sup>99</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.168.

Nguyen di selatan Vietnam. Sepanjang tempoh 45 tahun tersebut, para pemerintah Nguyen iaitu Nguyen Phuc Nguyen (1613-1635), Nguyen Phuc Lan (1635-1648) dan Nguyen Phuc Tan (1648-1687) berjaya mempertahankan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam dengan menumpaskan tentera kerajaan Trinh di utara Vietnam.<sup>100</sup>

Kegagalan demi kegagalan dalam usaha menyerang selatan akhirnya telah menyedari Trinh bahawa penyerangan utara ke atas selatan melalui ketenteraan bukan merupakan cara yang betul untuk menyatukan Dai Viet. Justeru itu, pemerintah Trinh Tac<sup>101</sup> telah mengambil keputusan untuk berhenti menyerang selatan pada tahun 1673. Selepas mengadakan genjatan senjata di antara kedua-dua pihak kerajaan, kerajaan Trinh dan kerajaan Nguyen menstrukturkan semula pasukan tentera dan pentadbiran masing-masing. Tindakan ini telah membawa kepada perdamaian di antara Trinh di utara dengan Nguyen di selatan selama satu abad. Keadaan sedemikian telah membolehkan pemerintah Nguyen (*Hien Vuong*) menumpukan perhatian beliau untuk meluaskan tanah jajahan di selatan. Walaupun Nguyen telah berhenti menghantar ufti kepada kerajaan Le di Thanh Long (Hanoi), namun beliau tetap berperanan sebagai gabenor di selatan sementara pegawai-pegawaiannya bagai boneka yang tiada kuasa dalam kerajaannya.<sup>102</sup>

Dai Viet terus ditadbir oleh dua buah kerajaan yang berbeza. Walaupun wujudnya perdamaian di antara kerajaan Trinh dengan kerajaan Nguyen, namun malang sekali tiada usaha dijalankan oleh Trinh dan Nguyen untuk menyatukan Dai Viet. Perpaduan hanya

---

<sup>100</sup> 李文雄, 西山与嘉隆 (Tay Son dan Gia Long), 西贡: 拿沱书局, 1968, hlm. 2. (Ly Van Hung (ed.), Tay Son voi Gia Long, Saigon, 1968, hlm.2).

<sup>101</sup> Trinh Tac merupakan anak kepada Trinh Trang. Beliau memerintah utara pada tahun 1657 hingga tahun 1682. Charles B. Maybon, *Lectures sur l'histoire : Moderne et Contemporaine du Pays d'Annam de 1428 à 1926*, hlm.72.

<sup>102</sup> Henry McAleavy, *Black Flags in Vietnam : The Story of a Chinese Intervention*, hlm.27.

dapat dilihat di mana kedua-dua Trinh dan Nguyen tetap mengakui Le sebagai ketua pemerintah yang rasmi di Dai Viet. Pihak utara mendakwa bahawa matlamat pererangan adalah bertujuan untuk mengembalikan selatan kepada pemerintahan seorang raja sahaja. Sementara propaganda selatan pula menekankan tanggungjawab Nguyen untuk membebaskan dinasti Le daripada kawalan ketat Trinh.<sup>103</sup> Maka sekali lagi menunjukkan bahawa kedua-dua orang pemimpin tersebut tidak mempunyai niat dan fahaman yang sama untuk menyatukan Dai Viet. Malah sikap mereka ini boleh dikatakan terlalu tamak akan kuasa sehingga mengabaikan penyatuan negaranya.

Pada tahun 1744, pemerintah Nguyen Phuc Khoat (1738-1765) di selatan Vietnam telah mengubah beberapa dasar negara seperti mencontohi dinasti Ming di China iaitu mengikut peraturan dinasti Ming, menetapkan adat istiadat kerajaan dan memakai pakaian dinasti Ming. Tindakan pemerintah Nguyen Phuc Khoat adalah mengagung-agungkan peraturan dan kebudayaan dinasti Ming.<sup>104</sup> Rakyat turut menyahut dasar tersebut terutamanya orang Cina yang tinggal di selatan Vietnam. Dasar baru ini telah menarik perhatian orang Cina untuk berhijrah ke selatan Vietnam.

Perubahan yang dibuat oleh pemerintah Nguyen Phuc Khoat telah diperhatikan oleh Father Jean Koffler<sup>105</sup> yang tinggal di selatan Vietnam pada waktu itu. Menurut beliau, Nguyen Phuc Khoat telah mengisytiharkan undang-undang baru untuk menguatkuasakan pertukaran pakaian agar dasar ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Malah Koffler

---

<sup>103</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.167.

<sup>104</sup> 李文雄, 西山与嘉隆(Tay Son dan Gia Long), 西贡: 拿沱书局, 1968, hlm. 2-3. (Ly Van Hung (ed.), Tay Son voi Gia Long, Saigon, 1968, hlm.2-3).

<sup>105</sup> Father Koffler melawat Cochinchina untuk tujuan penyebaran agama Kristian. Namun kegiatan beliau dihalang oleh pemerintah Nguyen Phuc Khoat. Paul Boudet, *Un Voyageur Philosophe Pierre Poivre en Annam (1749-1750)*, Hanoi : Cahier De La Societe De Geographie De Hanoi, 1941, hlm.20.

mengatakan bahawa “*the change of costume by Nguyen Phuc Khoat was meant to reintroduce the old customs of China before the Manchu invasion*”.<sup>106</sup> Tindakan pemerintah Nguyen Phuc Khoat memperkenalkan pakaian Cina dinasti Ming dan mengetepikan pakaian yang sedia ada iaitu pakaian utara Vietnam mempunyai motifnya tersendiri. Perubahan pakaian ini membawa maksud yang mendalam kepada kerajaan Nguyen Phuc Khoat iaitu sebagai manifesto pemerintah Nguyen untuk bebas daripada amalan istana Le di utara Vietnam.<sup>107</sup> Malah pemerintah Nguyen Phuc Khoat merupakan pemerintah yang pertama menukarkan gelaran *chua* (*lord*) kepada raja (*king*) dalam dinasti Nguyen di selatan Vietnam.

Usaha untuk menyatukan Dai Viet wujud pada tahun 1771. Ia dimulakan dengan pemberontakan Tay Son yang dilakukan oleh tiga orang adik-beradik yang tinggal di Tay Son. Mereka ini terdiri daripada Nguyen Nhac, Nguyen Lu dan Nguyen Hue. Pada peringkat awal, pemberontakan tersebut disokong oleh golongan petani, kemudian disokong oleh golongan pedagang yang inginkan pertukaran kerajaan dan penyatuan negara. Golongan pedagang telah memberi sokongan kewangan kepada pemberontakan tersebut. Maka pada tahun 1776, Saigon telah jatuh ke dalam tangan Tay Son. Pada tahun 1783, apabila selatan dikuasai oleh Tay Son, maka ini telah menandakan tamatnya pemerintahan Nguyen di selatan. Pemerintah Nguyen terpaksa melarikan diri ke Siam. Trinh yang memerintah di utara berasa gembira apabila melihat musuhnya kerajaan Nguyen telah dihapuskan oleh Tay Son.

---

<sup>106</sup> Danny Wong Tze-Ken, “The Nguyen Lords Of Southern Vietnam : Their Foreign Relations, 1558-1776”, PhD Thesis, University of Malaya : Department of History, 2003, hlm.312.

<sup>107</sup> Ibid., hlm.311.

Untuk mengukuhkan kedudukannya di utara, Trinh telah mengadakan perjanjian persahabatan dengan Tay Son. Namun setelah Tay Son berjaya menguasai selatan, beliau mula menuju ke utara dataran Sungai Merah. Pada tahun 1786, apabila Hanoi dikuasai oleh Nguyen Hue, maka tamatnya pemerintahan Trinh di utara. Nguyen Hue berpura-pura untuk mengembalikan semula dinasti Le. Namun, setahun kemudian, beliau menghapuskan kerajaan Le. Golongan mandarin rejim lama yang takut dengan masalah sosial yang akan wujud akibat daripada kemenangan Nguyen Hue telah meminta bantuan daripada pemerintah Manchu, China. Maka pada tahun 1789, sebanyak 200,000 orang tentera China telah menyerang Dai Viet, akan tetapi serangan tersebut berjaya dipatahkan oleh Nguyen Hue. Nguyen Hue telah mengisytiharkan diri sebagai maharaja dengan gelaran Quang Trung.<sup>108</sup>

Sebenarnya faktor utama kejayaan pemberontakan Tay Son disebabkan oleh sokongan padu daripada golongan petani yang miskin dan tiada tanah serta sanggup melakukan apa sahaja agar dapat mendatangkan perubahan kepada kehidupan mereka. Sebagaimana yang dikatakan oleh sesetengah paderi dan seorang sejarawan Perancis, golongan petani ini merupakan “*who had nothing and were ready for everything*”.<sup>109</sup>

Pada tahun 1789, dengan sokongan daripada kumpulan tentera sukarela Perancis yang diupah oleh paderi Pigneau de Behaine, bishop kepada Adran, Nguyen Phuc Anh (juga dikenali sebagai Nguyen Anh) yang berketurunan pemerintah Nguyen telah berjaya memenangi beberapa perang di selatan. Nguyen Phuc Anh telah mengalahkan Nguyen

---

<sup>108</sup> Henry McAleavy, *Black Flags in Vietnam : The Story of a Chinese Intervention*, hlm.28 dan Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.175-176 dan 197.

<sup>109</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, hlm.175.

Quan Toan<sup>110</sup> yang menaiki takhta pada tahun 1792 selepas kematian ayahnya Nguyen Hue. Kekalahan Nguyen Quan Toan adalah disebabkan oleh kehilangan sokongan daripada golongan petani setelah beliau berhenti memberi bantuan kepada penduduk kampung. Nguyen Phuc Anh berjaya menakluki Hue pada tahun 1801 dan Hanoi pada tahun 1802. Justeru itu, Nguyen Phuc Anh mengisytiharkan diri sebagai maharaja Gia Long di Dai Viet yang telah disatukan.<sup>111</sup>

## Rumusan

Sebelum Vietnam dijajah oleh China, ia merupakan sebuah negara yang mempunyai tamadun yang agak tinggi. Apabila Vietnam dijajah oleh China sejak tahun 111 S.M. sehingga tahun 938, pemberontakan demi pemberontakan telah dijalankan oleh orang Viet untuk menentang sistem pemerintahan China yang tidak adil dan kejam. Usaha mereka ini akhirnya telah membawa kemerdekaan kepada negara Vietnam pada tahun 939 dan diperintah oleh enam dinasti sehingga tahun 1407 sebelum ia dikuasai semula oleh China. Penjajahan China yang begitu lama di Vietnam telah banyak mempengaruhi Vietnam dalam pelbagai bidang sehingga Vietnam dianggap sebagai sebuah negara yang mempunyai bayangan China.

Gerakan *Nam Tien* yang dilakukan oleh Vietnam boleh dikatakan merupakan salah satu faktor yang akhirnya membawa kepada perpecahan Vietnam kepada dua buah kerajaan yang bertentangan iaitu di antara kerajaan Trinh di utara dengan kerajaan Nguyen di selatan. Peperangan di antara dua buah kerajaan ini telah menyukar dan melambatkan

---

<sup>110</sup> Nguyen Quan Toan merupakan anak kepada Nguyen Hue. Nguyen The Anh, *A Survey of the History of Vietnam*, hlm.18.

<sup>111</sup> Ibid.

penyatuan Vietnam. Vietnam akhirnya disatukan pada tahun 1802 di bawah pemerintahan Nguyen Phuc Anh yang menggunakan gelaran Gia Long.